

29/12/1998

TPM belum diputus

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir masih belum membuat sebarang keputusan mengenai pelantikan Timbalan Perdana Menteri (TPM).

Perdana Menteri berkata, tidak ada sebarang perkembangan terbaru mengenai perkara itu.

"Pelantikan TPM... tidak ada perkembangan terbaru," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Kempen Pemilikan Rumah anjuran Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM), di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, hari ini.

Isu pelantikan TPM timbul selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dilucutkan daripada jawatan itu pada 2 September lalu.

(END)